

NST Pg. 8 9/12/2012

## Civil service recruitment to drop next year

**PUTRAJAYA:** The civil service recruitment is expected to decline next year following the implementation of the retirement age extension option from 58 to 60 years, said Public Service Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam. He said the PSC had been recruiting about 40,000 employees out of nearly 1.2 million job applicants yearly. "As many civil servants have opted to extend their retirement until the age 60 this year and next year, the civil service intake will be reduced," he said at a seminar on occupational skills in the public sector here yesterday.

The Star m/s 6 9/12/2012

# Mahmood outlines six qualities of public sector workers

**PUTRAJAYA:** Those hoping to land a job in the public sector should fulfil the six principles of work laid out by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak.

Public Service Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam said potential candidates must embrace the acronyms CTI, which stands for *cepat, tepat dan integriti* (swiftness, accuracy and integrity) and PCI (productivity, creativity and innovation).

The principles of CTI and PCI were announced by Najib in July as part of the Government Transformation Programme for greater efficiency in the delivery of the public service.

"These are what we are looking for. (Among other things), we will also examine a person's sense of loyalty, integrity, mindset and whether they are a team player.

"This is our challenge to those who seek a job in the government," Mahmood said after launching a seminar to introduce civil sector working skills here.

Since 2009, the commission has received close to 1.2 million job applications for the civil service.

Some 200 people attended the seminar at the commission headquarters yesterday, the first of several to be held in every state.

About 40,000 new officers have joined the 1.4 million-strong civil sector this year, said Mahmood.

The employment process in the public sector involves three stages – a two-day written examination, assessment and interview.



KOSMO m/s 3 9/12/2012

# Pengambilan kurang

**PUTRAJAYA** - Pengambilan penjawat awam dijangka berkurangan pada tahun depan berikutan pelaksanaan opsyen pelanjutan umur persaraan daripada 58 tahun kepada 60 tahun, kata Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam (**gambar kecil**).

Secara purata, beliau berkata, SPA menerima hampir 1.2 juta permohonan kerja setiap tahun dan kira-kira 40,000 calon diambil untuk berkhidmat dalam sektor awam.



“Pada tahun ini dan tahun depan, ramai penjawat awam telah memilih opsyen untuk bersara pada umur 60 tahun, maka pengambilan sudah berkurang.

“Namun, selepas tahun depan, apabila ramai yang bersara pada usia 60 tahun, jumlah pengambilan akan bertambah sekurang-kurangnya 10 peratus.

“Saya menjangkakan sekurang-kurangnya 50,000 penjawat awam akan diambil,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengenalan Kepada Skil Pekerjaan

Sektor Awam di Pejabat SPA di sini semalam.

Mahmood berkata, seminar yang pertama kali diadakan itu bertujuan untuk membantu calon yang memohon pekerjaan dengan SPA agar melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran pekerjaan sekali gus dapat meningkatkan peratusan kebolehdapatan pekerjaan di sektor awam.

Kira-kira 200 peserta menghadiri seminar sehari anjuran bersama SPA dan Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM) bagi mendengar penjelasan mengenai peperiksaan, penilaian dan temu duga serta pengetahuan berkaitan urusan pengambilan di SPA.



# Pengambilan semakin kurang

>>Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI  
sitiaisyah@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Jumlah pengambilan penjawat awam pada 2012 dan 2013 dijangka berkurangan berikutan pelaksanaan opsyen persaraan sehingga 60 tahun, kata Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam.

Namun, katanya, pengambilan bagi 2014 dijangka meningkat semula selepas kesan usia persaraan 60 tahun dinetralkan pada tahun berkenaan.

"Jika ramai penjawat awam sedia ada memilih persaraan pada usia 60 tahun, pengambilan penjawat awam baru bagi tahun ini dan tahun depan tidak akan banyak.

"Secara keseluruhan, jumlah pengambilan penjawat awam baru pada tahun ini mencecah 40,000 orang setakat ini," katanya ketika di-

temui pemberita selepas berucap pada Seminar Pengenalan Kepada Skil Pekerjaan Sektor Awam, semalam.

Program anjuran Persatuan Profesional Melayu Malaysia yang mendapat kerjasama SPA itu diadakan bagi membantu calon memohon pekerjaan serta menghadiri temu duga kendalian SPA.

Mahmood berkata, secara purata pihaknya menerima 1.2 juta permohonan kerja setiap tahun, di mana 40,000 daripada permohonan berjaya ditempatkan dalam sektor awam.

"SPA menjangkakan jumlah pengambilan akan bertambah sekurang-kurangnya 10 peratus iaitu selepas tahun depan apabila ramai penjawat awam bersara pada 60 tahun.

"Malah, saya menjangka 50,000 penjawat awam baru akan diambil selepas tahun depan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, anggapan segelintir pihak terhadap pihak atasan SPA yang memegang kuota tertentu untuk mengisi setengah jawatan sektor awam ada-

lah tidak benar.

"Kertas peperiksaan setiap calon disemak melalui komputer. Sudah

tentu, komputer itu tidak mengenali calon yang menjawab peperiksaan berkenaan," katanya.



**IKHLAS...** Mahmood (kanan) menerima cenderahati daripada Pengerusi Persatuan Profesional Melayu Malaysia, Siti Nur Mokhtar, semalam.



Berita Harian m/s 2 9/12/2012

# Penjawat awam baru 2012-2013 berkurang

» *Usia bersara 60 tahun ubah pengambilan*

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bharian.com.my

Putrajaya

**S**uruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan jumlah pengambilan penjawat awam pada 2012 dan 2013, berkurangan berikutan pelaksanaan opsyen persaraan sehingga

60 tahun mulai tahun ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam, berkata secara keseluruhan seramai 1.2 juta calon sudah memohon untuk mengisi kekosongan di sektor awam sejak 2009.

Katanya, mengikut statistik SPA, secara purata lebih 40,000 calon dilantik untuk mengisi pelbagai jawatan di sektor awam setiap tahun.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya menjangka jumlah pelantikan baru bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan di agensi kerajaan kembali meningkat selepas kesan pelaksanaan opsyen umur persaraan 60 tahun dineutral-

kan pada 2014.

"Kalau ramai penjawat awam sedia ada memilih untuk bersara pada umur 60 tahun, maka pengambilan penjawat baru untuk tahun ini dan tahun depan tidak akan banyak.

"Bagaimanapun, jumlah pe-

“  
Jumlah pengambilan penjawat awam baru pada 2012 sudah pun cecah 40,000 orang”

**Mahmood Adam,**  
Pengerusi SPA

ngambilan penjawat awam baru pada 2012 sudah pun menecah 40,000 orang," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Seminar Pengenalan Kepada Skil Pekerjaan Sektor Awam anjuran SPA dan Persatuan Profesional Melayu Malaysia, di sini semalam.

## Nafi kuota tertentu

Sementara itu, Mahmood juga menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa SPA menetapkan kuota tertentu dan wujudnya pengaruh 'orang luar' dalam pengambilan penjawat awam.

"Kita memang tidak menetapkan kuota atau amal pilih kasih kerana semua kertas peperiksaan calon akan disemak menggunakan sistem komputer...komputer tidak mengenali calon terbabit.

"Selain itu, proses penilaian dan temu duga calon pula dilakukan oleh panel dilantik SPA, yang hanya mengesahkan mereka benar-benar layak," katanya.